

# KDN pantau hubungan KMM-JI Singapura

UM 14 JAN 2002

Oleh TAUFEEK RAZAK

PUTBAJAYA 13 Jan. — Kementerian Dalam Negeri (KDN) kini sedang memantau sejauh mana rapatnya hubungan antara Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dengan Jamaah Islamiah (JI) Singapura.

Ketua Setiausaha KDN, Datuk Seri Aseh Che Mat berkata, pihaknya tidak mempunyai masalah untuk bekerjasama dengan negara ASEAN lain untuk mengetahui hubungan antara dua kumpulan tersebut.

“Siasatan masih diteruskan dan tangkapan masih ada lagi dibuat.

Jadi biar siasatan ini selesai dulu,” ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Persatuan Penduduk Blok C Presint 9 di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai bentuk kerjasama yang akan dijalin dengan negara-negara ASEAN termasuk Singapura dalam mengatasi masalah tersebut.

Semalam Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai berkata, pihaknya telah lebih dulu mendapat maklumat mengenai pembelian bahan letupan itu

sebelum didedahkan oleh kerajaan Singapura.

Menurut Norian, pihaknya mendapat maklumat tersebut berdasarkan tangkapan ke atas ahli-ahli KMM yang telah ditahan di negara ini sebelum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad turut melahirkan keyakinan, kumpulan militan yang bergerak di negara ini mempunyai rangkaian hubungan dengan kumpulan militan di beberapa negara ASEAN seperti Singapura, Indonesia dan Filipina.

Aseh ketika diminta mengulas mengenai perkara itu berkata, memandang-

kan ahli KMM ini ditahan di bawah ISA, polis mempunyai masa 60 hari untuk menyiapkan siasatan.

“Kita harus sedar bahawa yang ditangkap ini pun nanti akan bekerjasama dan mungkin mendedahkan lagi dan kalau sekiranya ada pendedahan terbaru, mungkin kita ada sasaran yang lain,” jelasnya.

Kerajaan Singapura keharin mendedahkan usaha anggota kumpulan JI yang ditahan bulan lalu untuk mendapatkan 21 tan bahan letupan dengan empat tan daripadanya sudah pun diperoleh dan disembunyikan di Malaysia.